

02 OCT 1999

Mahathir-Bank

KERAJAAN MAHU BANK-BANK YANG KUKUH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A.Hulaimi

LONDON, 2 Okt (Bernama) -- Kerajaan terpaksa mengambil langkah pertama dalam menggalakkan bank-bank bergabung menjadi entiti yang lebih kukuh kerana jika tidak bank-bank itu akan berlengah-lengah dalam berbuat demikian, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun bank-bank itu hanya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), proses ke arah bank-bank yang lebih mantap dan kukuh telah bermula, katanya.

"Kerajaan akhirnya akan merestui gabungan itu," kata beliau kepada rakyat Malaysia yang hadir di Dewan Malaysia di sini, pada Jumaat.

Dr Mahathir tiba di sini dari New York pada Khamis dalam perjalanan ke Zimbabwe untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan 1999.

Seorang akauntan dengan sebuah firma besar di sini bertanya mengapa penggabungan itu akan menyebabkan tinggal enam bank sahaja nanti dan mengapa bank tertentu seperti RHB, kini dalam proses diambil alih oleh bank-bank yang lebih kecil.

Dr Mahathir berkata, angka enam itu angka sembarangan dan tidak semestinya ada enam institusi bank hasil gabungan itu untuk menggantikan bank-bank yang kecil.

"Kerajaan telah campurtangan dan berkata: Baik, kita mahu anda bergabung dan kita mahu tinggal enam bank sahaja nanti."

"Ia cuma satu angka. Jika kita katakan satu, mereka akan tanya mengapa satu?', jika kita berkata lapan, orang akan bertanya mengapa lapan? ... apa yang kita mahu mereka buat ialah menandatangani Memorandum Persefahaman di kalangan mereka supaya mereka boleh bergerak ke arah penggabungan," katanya.

Soal siapa akan menjadi bank utama dalam gabungan ini tidak penting kepada kerajaan selagi mereka mempunyai pihak pengurusan yang berkebolehan, kata Dr Mahathir.

Merujuk kepada penggabungan RHB, beliau berkata: "Kita tidak berkata mereka mesti berbuat dengan tepat apa yang kita mahu. Mengapa tidak Rashid Hussein (sebagai bank utama)? Terpulang kepada mereka."

"Mungkin ada beberapa kelemahan yang kita tidak tahu yang mungkin menyebabkan bank-bank lebih kecil memainkan peranan utama, saya tak tahu."

Perdana Menteri berkata, beliau sedar ada yang tidak mahu bergabung kerana dalam proses itu mereka akan kehilangan kedudukan mereka sebagai rakan kongsi kanan, ataupun kerana mereka tidak akan menjadi bank utama dalam gabungan itu.

Jadi mereka tidak mengambil langkah serius untuk bergabung dan kerajaan terpaksa campurtangan.

Beliau berkata, antara perkara yang kerajaan bimbang mengenai gabungan ini ialah kehilangan pekerjaan kerana cawangan-cawangan akan ditutup dan pekerja akan dihentikan.

Menurut Dr Mahathir lagi: "Pekerjaan baru akan disediakan bagi mereka yang tidak diperlukan lagi, ataupun mereka dibayar ganjaran yang sudah pasti membawa manfaat kepada mereka."

"Kerajaan akan memastikan yang tiada siapa kerugian hanya kerana kita mahu bank-bank kita kukuh."

-- BERNAMA

WAH RYN PR